

## **UNTUK SIARAN SEGERA**

### **Penyelesaian Sistem Penyelesaian Generasi Akan Datang (Next G), memperkasakan masa depan, hari ini**

**Kuala Lumpur, 18 Mei 2015** – Panasonic hari ini mengumumkan pelancaran rasmi barisan produk Penyelesaian Generasi Akan Datang baru yang akan memenuhi permintaan yang semakin meningkat terhadap trend kemajuan teknologi untuk perniagaan. Barisan produk baru ini dilengkapi dengan ciri-ciri tambahan yang telah dipertingkatkan bagi membantu perniagaan untuk terus maju dalam persekitaran masa kini yang berdaya saing.

Terdapat banyak penyelesaian yang telah dilancarkan hari ini di bawah kategori: Penyelesaian Komunikasi, Penyelesaian Keselamatan, Penyelesaian AV Profesional dan Penyelesaian Dokumen.

Pengarah Urusan Panasonic Malaysia, En. Cheng Chee Chung berkata, “Panasonic mempunyai rangkaian produk yang luas yang merangkumi kategori penyelesaian dan peralatan pejabat. Panasonic bukan sahaja merupakan jenama yang terkemuka dalam industri elektronik pengguna, malah merupakan jenama yang dipercayai dalam bidang peralatan sistem untuk apa-apa saja persekitaran perniagaan.”

En. Cheng menambah, “Kami mempunyai matlamat untuk menawarkan penyelesaian terbaik kepada semua pelanggan kami serta menggalakkan produktiviti dan keberkesanan perniagaan”.

#### **Penyelesaian Komunikasi**

##### **Sistem Persidangan Video Berdefinisi Tinggi : KX-VC1600CX/VC1300CX**

Sungguh Nyata, Sungguh Ringkas. Sistem Persidangan Video Berdefinisi Tinggi Panasonic (HDVC) menawarkan persidangan video berbilang tapak yang dapat mengurangkan keperluan untuk bergerak ke pejabat cawangan yang terletak jauh dan membantu penyambungan peralatan mudah alih untuk mengambil bahagian dalam persidangan tersebut. Ciri-ciri unik produk baru HDVC ini termasuklah:

Saling boleh beroperasi sepenuhnya dengan sistem persidangan video jenama lain

- Kandungan Komputer Peribadi dan Kamera disambung kepada Monitor Duaan/Tigaan
- MCU bina dalam sehingga 10 sambungan tapak
- Intranet Duaan dan Sambungan Tidak Berkelim Internet
- Panasonic AV-QOS memberikan sambungan yang stabil dan kualiti yang lebih baik

## Telefon SIP : KX-TGP600/TPA60/TPA65/HDV100/HDV130

Sistem telefon tanpa kord atau dengan kord Protokol Awalan Sesi (SIP) untuk SOHO, kedai serbaneka, dan kedai runcit bersaiz kecil hingga sederhana yang boleh dikembangkan sehingga 8 gagang DECT dengan 8 talian pendaftaran SIP. Ini membolehkan 8 panggilan serentak untuk 8 pengguna.

- Boleh dikembangkan sehingga 8 gagang dan 8 talian SIP
- Komunikasi suara berkualiti tinggi dengan fungsi pengurangan hingar
- Mudah dipasang dan disenggara

## Interkom Video: VL-SFD501BX / SF70BX

Sistem interkom video tanpa wayar VL-SWD501BX menjaga keselamatan harta benda dan keluarga anda. Sistem ini merangkumi monitor warna skrin lebar 5 inci untuk melihat dan mendengar sebarang aktiviti di pintu hadapan, monitor mudah alih tanpa wayar yang ringkas dan mudah digunakan yang boleh dibawa ke mana-mana dan stesen pintu rekaan nipis bergaya yang dilengkapi dengan kamera sudut luas 170 darjah.

- Tonton dan Cakap dengan mudah di mana-mana, pada bila-bila masa.
- Keselamatan Mudah dengan rakaman kad SD dan Kamera Tanpa Wayar DECT.
- Penambahan Mudah sehingga 6 monitor tanpa wayar dan 4 Kamera Tanpa Wayar DECT sebagai pilihan.

## **Penyelesaian Keselamatan**

Pengawasan video generasi akan datang, kamera True 4K Panasonic menampilkan keupayaan optik dan sensor pengimejan lanjutan 12 megapiksel. Kamera True 4K Panasonic membawa pengawasan ke tahap seterusnya dengan resolusi True 4K dan liputan sudut luas, semua ini bagi memenuhi matlamat melindungi aset awam sambil membantu perniagaan memperoleh penjimatan kos.

Barisan produk True 4K i-PRO baru ini merangkumi kamera dalam bangunan panoramik ULTRA 360 (WV-SFV480), kamera luar bangunan panoramik 360 (WV-SFN481), kamera kubah pelaku musnah luar bangunan (WV-SFV781L) dan kamera tetap pelaku musnah luar bangunan (WV-SPV781L) yang menawarkan resolusi tinggi Ultra, kepekaan, kecerdasan dan ketahanan.

Kamera True 4K i-PRO ini menawarkan kanta zum optik 6X dengan resolusi 4K sebenar yang mempunyai medan penglihatan 17 hingga 100 darjah yang mengurangkan kos keseluruhan pemilikan dengan mengurangkan jumlah kamera untuk mengawasi kawasan yang luas jika dibandingkan dengan kamera berdefinisi tinggi konvensional.

## **Penyelesaian AV Profesional**

Penyelesaian AV Profesional Panasonic menawarkan ciri-ciri nilai tambahan untuk memberikan pengalaman penyelesaian visual yang berkesan kepada pengguna akhir.

1. Tambahan baru kepada barisan produk Projektor ialah Siri PT-RZ670 dengan kos keseluruhan pemilikan yang rendah dengan pengendalian bebas penyelenggaraan dan bebas lampu selama 20,000 jam.
2. Dalam kategori Panel Rata, Panasonic akan memasarkan barisan produk baru Siri LFE8 dengan 4 saiz iaitu 43 inci, 48 inci, 55 inci & 65 inci yang menawarkan penyelesaian penunjuk profesional cekap kos dengan keupayaan fungsi potret dan dinding video.
3. Selain itu, Kamera Bersepadu Berdefinisi Tinggi barunya menawarkan aplikasi rakaman di tapak yang versatil dengan kanta zum optik 30x, model kualiti Full HD bagi siri AW-HE40 untuk model SDI atau HDMI dan menyokong Kuasa di atas Ethernet Plus. Tidak lupa juga, siri AW-HE130 yang menawarkan video berdefinisi tinggi kualiti produksi melalui 3G-SDI dan Penstriman IP.

## **Penyelesaian Dokumen – Penyalin Mini Semua dalam Satu**

DP-MB251 Panasonic baru ini merupakan penyalin mini semua dalam satu versatil yang mempunyai percetakan dupleks terpanjang dalam kategorinya dengan kemampuan mencetak sebanyak 28 halaman seminit secara dupleks dan 30 halaman seminit secara simpleks, sambil memastikan kos yang rendah bagi setiap salinan.

Produk ini mempunyai saiz yang kompak dengan kapasiti kertas yang besar yang mampu menyimpan 500 helai kertas. Ciri-ciri cetakan keselamatannya dapat mengelakkan dokumen sulit daripada terdedah dengan perlindungan keselamatan tahap tinggi. Data cetakan dilindungi oleh kata laluan, dan disimpan secara sementara di dalam cakera keras komputer anda. Data ini boleh diperoleh semula dan dicetak hanya apabila kata laluannya dimasukkan di pencetak tersebut.

## **Mengenai Panasonic Malaysia Sdn Bhd**

Panasonic Malaysia Sdn Bhd ialah syarikat jualan, perkhidmatan dan pemasaran untuk jenama Panasonic bagi rangkaian produk elektrik dan elektronik daripada audio visual, kelengkapan rumah, penghawa dingin, kamera digital dan video, kelengkapan penyiaran profesional, sistem perniagaan, telekomunikasi, penjagaan kesihatan dan kecantikan sehingga ke bateri dan lampu. Semua produk Panasonic boleh didapati menerusi pengedar sah kami di seluruh negara. Untuk maklumat lanjut berkenaan jenama dan produk Panasonic, layari laman web kami di [www.panasonic.com.my](http://www.panasonic.com.my) atau hubungi Pusat Penjagaan Pelanggan kami di 03-7953 7600.

Untuk ahli media, sila muat turun acara dan dokumen cetakan media serta gambar-gambar di [www.pmpressroom.com](http://www.pmpressroom.com)

Media Contact: Mazlee Mokhtar  
Eksekutif Kanan, Komunikasi Korporat & Penjenamaan  
Jabatan Inovasi Pemasaran  
Panasonic Malaysia Sdn Bhd  
Tel: 03 7809 7877 Fax: 03 7955 0722  
Email: [mazlee.mokhtar@my.panasonic.com](mailto:mazlee.mokhtar@my.panasonic.com)